Nilai Peraturan 2	: - TIADA DATA YANG DIPILIH -		

13. Diterima Oleh pilih "GROUP", kemudian klik

MAKLUMAT KUMPULAN PERATURAN - PEMILIK REKOD

*** Mandatori**

Kumpulan Penghantar	Penghantar	Penerima
Diterima Oleh*	: GROUP	
Kumpulan Agensi Unit Organisasi	: - PILIHAN - SUPERIOR OF ACTUAL POSITION ARAN MALAYSIA	<input type="button" value="Cari"/>
Tajuk*	: GROUP EXTERNAL STAFF	
Unit Organisasi	:	

14. Pilih Kumpulan.

PAPAR MAKLUMAT KUMPULAN

Melalui Paparan Hierarki Melalui Senarai

PILIH KUMPULAN

- PEJABAT KETUA SETIAUSAHA
 - BAHAGIAN AUDIT DALAM
 - PENGESAH REKOD PERIBADI BAD [PR003-BAD]
 - SEPARATION ADMIN [SEP01]
 - SEPARATION APPROVAL [SEP03]
 - LINE MANAGER [SEP04]
 - REMUNERATION ADMINISTRATOR [SEP05]
 - LEAVE ADMIN [SEP07]
 - CLAIM ADMIN [SEP06]
 - SEPARATION ENDORSER [SEP02]
 - PM SECRETARIAT BAHAGIAN AUDIT DALAM [PMSBAD]
 - BAHAGIAN AUDIT SEKOLAH
 - BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
 - BAHAGIAN MATRIKULASI
 - PEJABAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)
 - PEJABAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)

Klik nama untuk papar ahli kumpulan
Klik kod untuk papar maklumat kumpulan
Klik kemaskini untuk pindah maklumat kumpulan

15. Seterusnya klik bagi mewujudkan aliran kerja.


MAKLUMAT KUMPULAN PERATURAN - PEMILIK REKOD

*** Mandatori**

Kumpulan Penghantar	Penghantar	Penerima
Diterima Oleh *	: GROUP	
Kumpulan		
Agensi Unit Organisasi	: KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	<input type="button" value="Cari"/>
Tajuk*	: PM SECRETARIAT BAHAGIAN AUDIT DALAM	
Unit Organisasi	: BAHAGIAN AUDIT DALAM	


16. Kemudian mesej pengesahan akan dipaparkan, klik

Yes



17. Mesej status berjaya dihantar akan dipaparkan, Klik

OK





HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

BORANG PEMBERIAN PERANAN SUBMODUL PENGURUSAN PRESTASI (LNPT)

*Unit Maklumat Personel
Cawangan Maklumat Personel
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA*

BORANG PENETAPAN PERANAN PENTADBIR TEKNIKAL HRMIS AGENSI SUBMODUL PENGURUSAN PRESTASI (LNPT)

Bil	Nama Peranan	Keterangan Peranan	Tanggungjawab	Nama dan Jawatan	No Kad Pengenalan	Unit/Sektor
1.	Pentadbir Teknikal HRMIS Agensi	Mewujudkan aliran kerja (PM) di dalam aplikasi berdasarkan kepada templet aliran kerja yang telah disediakan. (Peranan ini perlu dimohon kepada Unit Maklumat Personel, Cawangan Pengurusan Maklumat, BPSM)	Menyelenggarakan Aliran Kerja dalam HRMIS.			

** Borang Penetapan Pentadbir Teknikal HRMIS Agensi ini dikemaskini oleh Pentadbir Teknikal HRMIS KPM

**Tandatangan dan Cop Ketua
Jabatan**

Nama :

Jawatan :

Unit:

Kegunaan Urusetia HRMIS KPM

Tarikh Terima :

Tarikh Siap :

Disediakan Oleh :

BORANG PENETAPAN PERANAN PEGAWAI TADBIR PENGURUSAN PRESTASI AGENSI SUBMODUL PENGURUSAN PRESTASI (LNPT)

Bil	Nama Peranan	Keterangan Peranan	Tanggungjawab	Nama dan Jawatan	No Kad Pengenalan	Unit/ Sektor
1.	Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi Agensi	Menyelenggara Penetapan Pegawai Penilai	Pegawai yang menguruskan Pengurusan Penilaian Prestasi di agensi.			

**Borang Penetapan Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi Agensi ini dikemaskini oleh Agensi

Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Unit:

Kegunaan Urusetia HRMIS KPM

Tarikh Terima :

Tarikh Siap :

Disediakan Oleh :



BORANG PEMBERIAN PERANAN

Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

NAMA AGENSI: _____ TARIKH : _____

BORANG PENETAPAN PEGAWAI PENILAI

Bil.	Unit/Sektor	Pegawai Yang Dinilai(PYD)		Pegawai Penilai Pertama(PPP)		Pegawai Penilai Kedua(PPK)		Nama PPSM
		Nama	No. KP	Nama	No. KP	Nama	No. KP	

** Borang Penetapan Pegawai Penilai ini dikemaskini oleh Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi Agensi

** Tindakan Penetapan Pegawai Penilai dalam HRMIS oleh Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi Agensi

Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Unit:

Kegunaan Urusetia HRMIS KPM

Tarikh Terima :

Tarikh Siap :

Disediakan Oleh :

BORANG PENETAPAN URUSETIA PANEL PEMBANGUNAN MANUSIA SUBMODUL PENGURUSAN PRESTASI (LNPT)

Bil	Nama Peranan	Keterangan Peranan	Tanggungjawab	Nama dan Jawatan	No Kad Pengenalan	Unit/ Sektor
1.	Urusetia Panel Pembangunan Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak markah keseluruhan (purata) yang dikira oleh sistem • Menyelenggara Panel Pembangunan Sumber Manusia • Mengeluarkan Lampiran-lampiran kepada Kertas Pertimbangan PPSM • Membuat penyelarasan dan mengesahkan markah penilaian • Memastikan semua maklumat dan penilaian dilengkapkan oleh PYD, PPP dan PPK. • Menganalisa prestasi keseluruhan PYD yang terlibat dan menyediakan laporan serta syor untuk pertimbangan PPSM. • Mengambil tindakan susulan ke atas syor dan keputusan PPSM seperti pergerakan gaji, latihan, penempatan, bimbingan dan kaunseling kepada PYD. • Memasukkan markah penilaian prestasi yang telah dibuat oleh Penyelia / <i>Academic Registrar</i> / <i>Programme Head</i> ke dalam HRMIS 	Pegawai yang menguruskan urusan panel pembangunan sumber manusia			

** Tindakan penetapan Pegawai Penilai dalam HRMIS oleh Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi Agensi

Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Unit:

Kegunaan Urusetia HRMIS KPM

Tarikh Terima :

Tarikh Siap :

Disediakan Oleh :



BORANG PEMBERIAN PERANAN Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

NAMA PPSM: _____

TARIKH : _____

AGENSI : _____

BORANG PENETAPAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PPSM) SUBMODUL PENGURUSAN PRESTASI (LNPT)

Bil	Peranan	Nama	No KP	Jawatan dan Gred
1	Pengerusi			
2	* Ahli Panel			
3	Setiausaha			
4	* Urusetia			

* Ahli Panel & Urusetia boleh lebih dari seorang

Sekiranya di dalam keahlian Ahli Panel dan Urusetia bukan daripada agensi yang sama dengan Pengerusi dan Setiausaha maka maklumat di bawah perlu diisi:

Bil	Unit/Sektor yang dipertimbangkan	Catatan
1		
2		

**** ** Borang Penetapan Pentadbir Teknikal HRMIS ini dikemaskini oleh Cawangan Naik Pangkat, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.**

**Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan
(Cawangan Naik Pangkat)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

Nama :

Jawatan :

Unit:

Kegunaan Urusetia HRMIS KPM	
Tarikh Terima	:
Tarikh Siap	:
Disediakan Oleh	:



HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

SOALAN LAZIM SUBMODUL PENGURUSAN PRESTASI (LNPT)

*Unit Maklumat Personel
Cawangan Maklumat Personel
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA*

Soalan Lazim Modul Pengurusan Prestasi

1. *Siapakah yang boleh mengisi maklumat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan bagaimana dengan Pegawai kontrak?*

Semua Penjawat Awam atau Pemilik Kompetensi (Competency Owner atau CO) yang dikenali sebagai Pegawai Yang Dinilai (PYD) boleh mengisi maklumat SKT. Pegawai kontrak yang termasuk dalam Waran Perjawatan boleh mengisi maklumat SKT.

2. *Bagaimana saya boleh mengetahui siapa Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) saya?*

PPP dan PPK akan ditentukan oleh unit/sektor atau cawangan Pemilik Kompetensi masing-masing. Pemilik Kompetensi yang mempunyai peranan sebagai Pentadbir (Performance Management Administrator) yang akan membuat kemasukan PPP dan PPK bagi setiap Pemilik Kompetensi.

3. *Bolehkah saya menyimpan senarai aktiviti/projek yang dimasukkan ke dalam sistem tanpa menghantar kepada PPP saya?*

Pemilik Kompetensi boleh menyimpan senarai aktiviti/projek yang dimasukkan ke dalam sistem sebelum dihantar kepada PPP supaya ia boleh dikemaskini sekiranya berlaku pindaan atau tambahan maklumat.

4. *Siapakah Urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)*

Urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia ditentukan oleh agensi yang lazimnya adalah terdiri daripada personel di Unit Prestasi Bahagian Sumber Manusia dan diberi peranan sebagai Urusetia (Performance Management Secretariat).

5. *Sekiranya saya cuti belajar, adakah saya perlu memasukkan maklumat SKT ke dalam sistem ini?*

Maklumat SKT tidak perlu dimasukkan ke dalam system bagi Pemilik Kompetensi yang cuti belajar. Walaubagaimanapun, markah penilaian prestasi bagi Pemilik Kompetensi yang sedang cuti belajar perlu dimasukkan ke dalam system melalui menu Penilaian Prestasi Bagi Tempoh Berkursus yang disenggara oleh Urusetia PPSM setelah mendapat maklumbalas melalui borang secara manual dari Pensyarah IPTA berkenaan.

6. *Saya baru bertukar jabatan, bolehkah saya terus menggunakan HRMIS untuk memasukkan SKT?*

Sandangan perlu dilakukan ke Unit Organisasi atau Business Unir(BU) di jabatan yang baru terlebih dahulu sebelum diberi peranan dan capaian ke sistem HRMIS dan seterusnya perlu mendapatkan maklumat SKT di Unit Organisasi yang baru tersebut sebelum boleh memasukkan SKT.

7. *Apakah maklumat yang wajib dilengkapkan untuk saya menggunakan sub modul SKT dan LNPT ini?*

Maklumat Profil Perkhidmatan iaitu Skim Perkhidmatan, Gred Jawatan, Gred Gaji dan Mata Gaji perlu dikemaskini ke dalam sistem HRMIS sebelum menggunakan submodul SKT dan LNPT supaya Pemilik Kompetensi atau Pegawai Yang Dinilai akan mendapat paparan borang Penilaian Prestasi mengikut kumpulan yang betul/sepatusnya.

8. *Bolehkah saya memilih SKT Pegawai Yang Dinilai (PYD) di bawah seliaan saya untuk dimasukkan dalam SKT saya?*

Pemilik Kompetensi yang diberi peranan sebagai Pegawai Penilai Pertama (PPP) atau Pegawai Penilai Kedua (PPK) mempunyai kemudahan untuk menyalin SKT Pegawai Penilai Pertama (PPP) di bawah seliaanya. SKT daripada PYD tersebut perlulah disahkan terlebih dahulu.

9. *Sekiranya saya sebagai urusetia, di mana saya boleh mendapatkan semula maklumat LNPT pegawai bagi tahun-tahun terdahulu?*

Urusetia PPSM boleh mendapatkan semula maklumat LNPT pegawai bagi tahun-tahun terdahulu melalui menu Data Sejarah -> Penilaian Prestasi dan memasukkan tahun yang dikehendaki. Walaubagaimanapun, urusetia PPSM perlulah mempunyai peranan sebagai pentadbir Historical Data Administrator (Performance Management) bagi membolehkan maklumat tersebut diperoleh.

10. *Dimanakah saya boleh mengesahkan aktiviti/projek SKT PYD saya?*

Pengesahan aktiviti/projek SKT PYD di bawah seliaan PPP boleh disahkan melalui dua (2) cara, iaitu ;

- a. Melalui peti pesanan pengguna
- b. Melalui menu SKT

11. Apa yang perlu saya lakukan jika dalam peti pesanan saya atau melalui modul SKT saya terdapat maklumat pemberitahuan untuk mengesahkan aktiviti/projek PYD yang bukan di bawah seliaan saya?

Pegawai boleh mendapatkan maklumat PPP sebenar PYD tersebut daripada Pegawai Tadbir Bahagian atau Pemilik Kompetensi yang diberi peranan sebagai System Administrator (Performance Management). System Administrator adalah pegawai yang menetapkan PPP/PPK kepada PYD tersebut. Seterusnya, hantarkan maklumat tersebut (yang didalam peti pesanan) kepada PPP yang sebenar.

12. Sekiranya saya sebagai Pentadbir Sistem di agensi, di mana saya boleh mengetahui fungsi bagi setiap peranan yang terdapat dalam sistem?

Pentadbir Sistem di agensi akan dibekalkan Panduan/Manual Pengguna semasa sesi taklimat/demo modul yang berkenaan daripada Pemilik Modul melalui Urusetia Sektor Pembangunan dan Perhubungan Pelanggan.

13. Apakah nama peranan yang boleh menetapkan siapa PPP dan PPK bagi setiap pemilik kompetensi?

Peranan sebagai Performance Management Administrator yang boleh memasukkan PPP dan PPK bagi setiap Pemilik Kompetensi ke dalam sistem setelah mendapat maklumat daripada unit/sektor/cawangan (BU) Pemilik Kompetensi berkenaan.

14. Saya sebagai urusetia, bolehkah saya mendapatkan maklumat bagi pegawai yang sudah menyerahkan SKT dan pegawai yang belum menyerahkan SKT mereka?

Urusetia boleh mengeluarkan laporan berbentuk senarai dan laporan berbentuk statistik bagi Pemilik Kompetensi yang sudah atau belum menghantar SKT melalui menu Lampiran-lampiran Kertas Pertimbangan Panel Sumber Manusia di dalam submodul LNPT.

15. PYD saya tidak mengisi maklumat SKT, bolehkah saya membuat penilaian LNPT beliau?

Setiap PYD hendaklah mengisi maklumat SKT dan menghantar SKT tersebut untuk disahkan oleh PPP terlebih dahulu. Sistem hanya akan mewujudkan/mencipta Penilaian Prestasi PYD setelah PYD 'klik' butang hantar.

16. Berapa jenis laporan yang terdapat dalam sub modul LNPT untuk kegunaan urusetia dan panel penilai?

Terdapat dua puluh tiga (23) jenis laporan disediakan di dalam submodul LNPT mengikut format Urusetia Panel Sumber Manusia Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perkhidmatan Awam.

17. Bolehkah saya menilai prestasi PYD saya untuk tahun 2009 melalui submodul LNPT ini sekiranya saya bercuti belajar pada awal Julai 2009?

Tempoh Julai hingga Disember adalah mencukupi enam (6) bulan bagi membolehkan PPP yang baru menilai PYD yang di bawah seliaan Pemilik Kompetensi yang sedang bercuti belajar. Walaubagaimanapun, Sektor/Cawangan/Bahagian atau Unit Organisasi boleh menentukan siapa PPP yang berhak menilai PYD tersebut.

18. Bolehkah saya menilai prestasi PYD saya di jabatan lama setelah saya berpindah ke jabatan baru?

Peranan sebagai PPP/PPK di jabatan baru perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum boleh menilai PYD di jabatan lama sekiranya masih ditetapkan sebagai PPP/PPK kepada PYD di jabatan lama.

19. Siapa yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut berhubung penggunaan submodul SKT dan LNPT ini?

Sebarang bantuan dan maklumat lanjut berkaitan submodul SKT dan LNPT boleh berhubung dengan Pemilik Modul (MO) di Unit Prestasi, Sektor Aplikasi Sumber Manusia 1, Bahagian Pengurusan Maklumat atau pihak Helpdesk HRMIS JPA melalui telefon atau e-emel yang boleh didapati dari laman web JPA.

20. Adakah SKT dicadangkan gugur oleh PYD boleh dihapuskan?

SKT yang dicadangkan untuk digugurkan jika klik butang simpan akan mempunyai status 'Cadangan Digugurkan' dan kotak untuk 'check box' akan di dim'kan. Ini bermakna SKT yang telah dicadangkan untuk digugurkan tidak boleh dihapuskan sehingga dihantar (klik butang hantar). Apabila PPP mengesahkan, SKT tersebut akan dimasukkan ke dalam SKT yang digugurkan.

21. Bolehkah SKT yang telah diluluskan oleh PPP dikemaskini oleh PYD?

YA, SKT yang telah disahkan (Status dari 'Memerlukan Pengesahan' -> 'Disahkan') masih boleh dikemaskini oleh PYD.

Status SKT 'Disahkan' akan menjadi 'Memerlukan Pengesahan' semula bagi membolehkan PPP mengesahkan semula SKT tersebut selepas PYD klik butang hantar.

22. Apakah maksud tanda () apabila status SKT disahkan?**

Tanda (**) menunjukkan status SKT tersebut telah disahkan lebih dari sekali.

23. Untuk LNPT, kenapa No.KP CO akan berada pada ruangan No. KPT apabila CO ingin memaparkan LNPT yang telah dihantar. Apakah maksud KPT itu?

No. KPT adalah merujuk kepada Nombor Kad Pengenalan Terperinci iaitu nombor. K/P yang mempunyai 12 digit. Untuk pengetahuan, CO yang lahir sebelum tahun 1978 mempunyai dua(2) nombor kad pengenalan (No. K/P lama yang mempunyai tujuh (7) atau lapan (8) digit dan No. KPT)

24. Berapa banyak aktiviti/program yang boleh dimasukkan ke dalam sistem SKT?

Bilangan aktiviti/program yang dimasukkan ke dalam sistem adalah tidak terhad. Walaubagaimanapun, hanya 300 aksara sahaja yang boleh ditaip untuk setiap aktiviti/program.

25. Adakah PPK boleh meminda markah penilaian prestasi yang diberikan oleh PPP kepada PYD?

Tidak. PPK tidak boleh meminda markah penilaian prestasi yang telah diberikan Oleh PPP kepada PYD.

26. Mengapa maklumat latihan di LNPT dijadikan perkara mandotari (wajib diisi sekurang-kurangnya satu hari kursus)?

Maklumat latihan di LNPT (Bahagian II) adalah perkara mandotari kerana ianya mengambil kira Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

27. Adakah PYD boleh membuat pindaan selepas menghantar LNPT kepada PPP?

Tidak. PYD tidak boleh membuat apa-apa pindaan selepas menghantar LNPT kepada PPP. Oleh itu, PYD hendaklah memastikan maklumat adalah betul sebelum menghantarnya kepada PPP.

28. Adakah sub modul ini mengambilkira PYD yang hanya mempunyai satu PPP sahaja contohnya seperti Personal Asistant (PA)?

Ya. Sub modul LNPT ini telah mengambilkira keperluan PYD yang hanya mempunyai satu PPP sahaja.

29. Adakah markah yang diberikan oleh PPK boleh dipinda selepas menghantar kepada urusetia?

Tidak. Markah yang diberikan oleh PPK tidak boleh dipinda selepas dihantar kepada urusetia.

30. Adakah markah purata boleh dilihat oleh PPK?Siapakah yang boleh melihat dan meminda markah purata?

Tidak. Markah purata seseorang PYD tidak boleh dilihat oleh PPK dan hanya Urusetia sahaja yang boleh melihat dan meminda markah purata tersebut.

31. Adakah ulasan yang diberikan oleh PPP dan PPK kepada PYD wajib diisi?

Buat masa ini, ulasan yang diberikan oleh PPP dan PPK kepada PYD adalah optional

32. Berapakah peratus markah penilaian prestasi bagi PYD untuk mendapatkan pergerakan gaji tahunan (biasa)?

Merujuk kepada sumber – Bahagian Perkhidmatan JPA, peratus markah penilaian prestasi untuk pergerakan gaji tahunan adalah sebanyak 50%

33. Adakah PPP atau PPK boleh memberikan markah yang mempunyai perpuluhan?

Dalam sub modul LNPT ini, PPP dan PPK tidak boleh memberikan markah yang mempunyai perpuluhan. PPP dan PPK hendaklah memilih markah daripada *drop-down list* yang disediakan.

34. Bolehkan PYD memilih agensi mana untuk dinilai prestasi tahunannya kerana bertukar pada bulan Jun?

Ya, PYD boleh memilih agensi yang dikehendaki untuk menilai prestasi tahunannya.

35. Mengapa ketika proses memindahkan format cetakan Surat Pergerakan Gaji dari PDF atau Excell didapati ada nama pegawai yang tercicir?

Terdapat nama pegawai yang tercicir ketika proses memindahkan format cetakan Surat Pergerakan Gaji dari PDF atau Excell kerana julat markah yang dimasukkan tidak mengambil kira dua(2) titik perpuluhan.

7. Senarai Lampiran – Lampiran Kepada Kertas Pertimbangan PPSM

Bil.	Lampiran – lampiran Kepada Kertas Pertimbangan PPSM
1	Jadual Markah Keseluruhan Laporan Penilaian Prestasi – Lampiran A
2	Jadual Markah Keseluruhan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan – Kembaran B
3	Jadual Markah Keseluruhan Laporan Penilaian – Lampiran B1
4	Jadual Markah Keseluruhan Laporan Penilaian Prestasi Bagi Pegawai Jawatan Kumpulan – Lampiran B2
5	Pencapaian Prestasi Pegawai Berdasarkan Julat Markah LNPT dan Mengikut Bahagian dan Gred Jawatan – Lampiran C
6	Pencapaian Prestasi Bagi Pegawai Berdasarkan Kepada Julat Markah LNPT Mengikut Bahagian – Lampiran C1
7	Pencapaian Prestasi Pegawai Bagi Markah 85 dan Ke Atas Mengikut Bahagian – Lampiran C2
8	Pencapaian Prestasi Bagi Pegawai Berdasarkan Julat Markah LNPT dan Mengikut Gred Jawatan – Lampiran D
9	Pencapaian Prestasi Bagi Pegawai Markah 85% dan Ke Atas Mengikut Gred Jawatan – Lampiran D1
10	Jurang Markah (10 dan Ke Atas) Yang Diberi Oleh PPP dan PPK Mengikut Bahagian – Lampiran G
11	Senarai Nama Pegawai Jurang Markah (10 Dan Ke Atas) Yang Diberi Oleh PPP dan PPK Mengikut Bahagian – Lampiran G1
12	Perbandingan Jurang Markah Yang Diberi Oleh PPP Dan PPK Kepada PYD Mengikut Tahun – Lampiran G2
13	Pembahagian Anugerah Khidmat Cemerlang APC Mengikut Kuota 8% Setiap Bahagian – Lampiran I
14	Pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Mengikut Bahagian dan Kumpulan Jawatan – J1
15	Cadangan Pencalonan APC Mengikut Bahagian – Lampiran J
16	Pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Berdasarkan Julat Markah Mengikut Kumpulan Jawatan – Lampiran J2
17	Pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Mengikut Bahagian, Kumpulan Jawatan dan Jantina – Lampiran J3

Bil.	Lampiran – lampiran Kepada Kertas Pertimbangan PPSM
18	Pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Mengikut Susunan Markah Purata – Lampiran J4
19	Maklumat Markah LNPT Pegawai Yang Telah Diluluskan Cuti Bergaji Penuh (Sakit Barah) bagi Tempoh 2 Tahun – Lampiran K
20	Ringkasan Pegawai Berprestasi Rendah Markah Kurang Dari 70 Mengikut Bahagian dan Gred Jawatan – Lampiran M1
21	Pegawai Berprestasi Rendah Markah Kurang Dari 70 Mengikut Bahagian dan Gred Jawatan – Lampiran M2
22	Kemajuan Pegawai Berprestasi Rendah (Markah Kurang Dari 75) – Lampiran N
23	Maklumat Pegawai Yang Baru Dilantik Kurang Dari 6 Bulan – Lampiran L1/L2
24	Laporan Status PPP Yang Telah/Belum Menghantar LNPT Kepada PPK Melalui Menu Sasaran Kerja Tahunan LNPT HRMIS
25	Laporan Status PPK Yang Telah/Belum Menghantar LNPT Kepada Urusetia Melalui Menu Sasaran Kerja Tahunan LNPT HRMIS
26	Status Penghantaran SKT Dari PYD Kepada PPP
27	Senarai CO yang memasukkan SKT melalui Aplikasi HRMIS
28	Laporan Status PYD Yang Telah/Belum Menghantar LNPT Kepada PPP Melalui Menu Sasaran Kerja Tahunan LNPT HRMIS
29	Senarai Status dan Markah LNPT PYD Mengikut Agensi
30	Senarai Pemilik Kompetensi Mengikut Status Penilaian LNPT


8. Peranan dan Tanggungjawab

Bil	Peranan	Keterangan Peranan dan Tanggungjawab	
		HRMIS	MANUAL
1	Pentadbir IT Pegawai IT yang menyelenggarakan Aliran Kerja dan Penetapan Peranan dalam HRMIS. (F41/F32/F29/FT17)	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan aliran kerja (PM) di dalam aplikasi berdasarkan kepada templet aliran kerja yang telah disediakan • Menyelenggara penetapan peranan <ul style="list-style-type: none"> ○ Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia ○ Pentadbir Pengurusan Prestasi ○ Pegawai Yang Dinilai ○ Pegawai Penilai Pertama ○ Pegawai Penilai Kedua 	Memberikan sokongan teknikal
2	Pegawai Yang Dinilai	<ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan Maklumat Pegawai • Melengkapkan maklumat kegiatan dan sumbangan di luar tugas rasmi. • Melengkapkan maklumat latihan yang dihadiri dan diperlukan untuk meningkat kemahiran diri. • Menghantar LNPT kepada PPP untuk dinilai 	<ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) termasuk jenis projek, aktiviti dan jangkamasa siap serta menetapkan tahap ukuran mengikut jenis kerja berasaskan kuantiti, kualiti, kos dan masa. • Merealisasikan program, projek dan aktiviti berdasarkan sasaran kerja yang ditetapkan.
3	Pegawai Penilai Pertama (PPP)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan SKT • Menilai PYD dari segi <ul style="list-style-type: none"> ○ Kepimpinan ○ Kualiti Peribadi ○ Penghasilan Kerja ○ Pengetahuan dan Kepakaran • Memberi Ulasan Keseluruhan dan Pengesahan • Menghantar LNPT kepada PPK untuk dinilai 	

Bil	Peranan	Keterangan Peranan dan Tanggungjawab	
		HRMIS	MANUAL
4	Pegawai Penilai Kedua (PPK)	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai PYD dari segi <ul style="list-style-type: none"> ○ Kepimpinan ○ Kualiti Peribadi ○ Penghasilan Kerja ○ Pengetahuan dan Kepakaran • Memberi Ulasan Keseluruhan • Menghantar LNPT kepada Urus Setia PPSM untuk diselaraskan 	
5	Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak markah keseluruhan (purata) yang dikira oleh sistem • Menyelenggara Panel Penilai • Pelarasan Laporan Penilaian Prestasi • Menjana Lampiran-lampiran untuk kertas pertimbangan PPSM • Menyelaraskan Markah LNPT • Menghantar LNPT untuk pengesahan PPSM • Mengesahkan Markah LNPT dan membuat pindaan jika diarahkan PPSM • Menjana dan Menyelenggara Fail Induk Prestasi • Memaparkan LNPT PYD. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan semua maklumat dan penilaian dilengkapkan oleh PYD, PPP dan PPK. • Menganalisa prestasi keseluruhan PYD yang terlibat dan menyediakan laporan serta syor untuk pertimbangan PPSM. • Mengambil tindakan susulan ke atas syor dan keputusan PPSM seperti pergerakan gaji, latihan, penempatan, bimbingan dan kaunseling kepada PYD. • Memasukkan markah penilaian prestasi yang telah dibuat oleh Penyelia / <i>Academic Registrar / Programme Head</i> ke dalam HRMIS

Bil	Peranan	Keterangan Peranan dan Tanggungjawab	
		HRMIS	MANUAL
6	Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi Agensi	Menyelenggara Penetapan Pegawai Penilai <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Yang Dinilai • Pegawai Penilai Pertama • Pegawai Penilai Kedua 	Melengkapkan Borang Pemberian Peranan untuk tindakan Pentadbir IT
7	Pegawai Tadbir Pengurusan Prestasi (Data Sejarah)	Menyelenggara Data Sejarah LNPT	

MODUL PENGURUSAN PRESTASI : ALIRAN KERJA PENGURUSAN PRESTASI MELALUI HRMIS.



KETERANGAN

Aktiviti	Tindakan	Kaedah Pelaksanaan	Jangkamasa
<p>Perancangan Kerja Tahunan Jabatan</p> <p>Menentukan strategi, program, projek dan aktiviti tahunan jabatan berasaskan dasar dan rancangan negara serta sumber kewangan, keanggotaan, maklumat dan peralatan yang diperuntukkan.</p>	Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Jabatan	Manual	Disember/ Januari
<p>Penetapan Rancangan Kerja Bahagian / Unit</p> <p>Mengagih tugas dan tanggungjawab pelaksanaan program, projek dan aktiviti serta menentukan rancangan kerja bahagian / unit berasaskan program, projek dan aktiviti kementerian/jabatan.</p>	Ketua Bahagian/ Unit	Manual	Disember/ Januari
<p>Penetapan Sasaran Kerja Pegawai Yang Dinilai</p> <p>Menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) termasuk jenis projek, aktiviti dan jangkamasa siap serta menetapkan tahap ukuran mengikut jenis kerja berasaskan kuantiti, kualiti, kos dan masa.</p>	Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua	Manual	Januari
<p>Penetapan Sasaran Kerja Pegawai Yang Dinilai (HRMIS)</p> <p>Menetapkan SKT melalui HRMIS.</p>	Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama	HRMIS	Januari
<p>Pelaksanaan Kerja dan Pengesanan</p> <p>Merealisasikan program, projek dan aktiviti berdasarkan sasaran kerja yang ditetapkan.</p>	Pegawai Yang Dinilai	Manual	Januari - Jun

Aktiviti	Tindakan	Kaedah Pelaksanaan	Jangkamasa
<p>Kajian Semula Pertengahan Tahun</p> <p>Kajian semula pencapaian kerja sebenar berbanding dengan sasaran kerja yang ditetapkan.</p>	Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama	Manual	Jun
Kajian Semula SKT			
Menggugur dan Menambah SKT melalui HRMIS.	Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama	HRMIS	Jun
Merealisasikan program, projek dan aktiviti berdasarkan sasaran kerja yang ditetapkan.	Pegawai Yang Dinilai	Manual	Julai - Disember
Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi			
Memaklumkan kepada Pegawai Yang Dinilai untuk Januari Mengisi Borang Penilaian di HRMIS .	Urusetia	Manual	Januari (Minggu Pertama)
Mengisi butir-butir di Bahagian I dan II serta Borang Sasaran Kerja Tahunan & Laporan Pencapaian dan menghantar borang melalui butang hantar dalam sistem HRMIS untuk dinilai oleh Pegawai Penilai Pertama.	Pegawai Yang Dinilai	HRMIS	Januari (Minggu Kedua dan Ketiga)
Meneliti, mengesahkan dan menilai butir-butir yang diisi oleh Pegawai Yang Dinilai serta berbincang dengannya mengenai penilaian prestasi dan menghantar borang melalui butang hantar dalam sistem HRMIS untuk dinilai oleh Pegawai Penilai Kedua.	Pegawai Penilai Pertama	HRMIS	Januari (Minggu Ketiga dan Keempat)

Aktiviti	Tindakan	Kaedah Pelaksanaan	Jangkamasa
Membuat penilaian dan ulasan secara keseluruhan berasaskan laporan yang dibuat oleh Pegawai Penilai dan menghantar borang melalui butang hantar dalam sistem HRMIS untuk Pelarasan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.	Pegawai Penilai Kedua	HRMIS	Februari (Minggu Pertama dan Kedua)
Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)			
<ul style="list-style-type: none"> • Menjana Fail Induk Prestasi (FIP) • Menjana lampiran-lampiran untuk digunakan dalam pertimbangan PPSM 	Urusetia	HRMIS	Februari (Minggu Ketiga)
Mengkaji dan menyelaraskan markah penilaian prestasi anggota dibawah bidang kuasanya serta membuat perakuan bagi : <ul style="list-style-type: none"> • Penetapan Pergerakan Gaji Tahunan • Penganugerahan • Surat Penghargaan • Bimbingan dan Kaunseling 	PPSM	MANUAL	Februari -Mac
Penyampaian keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia dan pengesahan markah melalui menu "Pengesahan Markah Penilaian Prestasi" HRMIS.	Urusetia	HRMIS	April (Minggu Pertama dan Kedua)
Penyimpanan Maklumat Prestasi			
Memaklumkan kepada pihak berkuasa menyimpan bahawa proses Laporan Penilaian Prestasi Tahunan melalui HRMIS telah selesai.	Urusetia	Manual	April (Minggu Ketiga dan Keempat)



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 20 TAHUN 2008

PELAKSANAAN MODUL PENGURUSAN PRESTASI SUBMODUL LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan tindakan yang perlu diambil dalam melaksanakan Modul Pengurusan Prestasi; Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2005 (PP Bil. 12/2005).

LATAR BELAKANG

2. Sistem penilaian prestasi perkhidmatan awam pada masa ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Pelaksanaan

Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan; Lampiran A2 (Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia) dan Lampiran A3 (Panduan Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan). Proses pengisian borang LNPT memerlukan Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilai Pertama (PPP), Pegawai Penilai Kedua (PPK) dan urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) mengisi borang LNPT yang bercetak secara manual.

3. Selaras dengan usaha untuk mewujudkan pengurusan sumber manusia yang lebih efisien, semua proses pengisian LNPT yang sebelum ini dilakukan secara manual bermula daripada penyediaan dan penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) sehingga kepada pengesahan markah oleh PPSM hendaklah dibuat secara dalam talian melalui elektronik menggunakan HRMIS.

DASAR

4. Submodul LNPT adalah salah satu submodul di bawah Modul Pengurusan Prestasi aplikasi HRMIS. Submodul ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan meningkatkan kecekapan pengurusan LNPT daripada penggunaan secara manual kepada elektronik. Semua dasar dan peraturan pengurusan Sistem Penilaian Prestasi yang sedang berkuat kuasa adalah tidak berubah.

5. Maklumat yang dijana melalui pelaksanaan submodul ini adalah merupakan rekod perkhidmatan yang sah dan jabatan boleh menggunakannya sebagai dokumen dalam melaksanakan urusan perkhidmatan pegawai awam. Justeru itu, adalah amat mustahak bagi pegawai yang diberi kuasa menguruskan submodul ini melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.

6. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan kerahsiaan data LNPT pegawainya sentiasa dipelihara daripada terdedah kepada pihak yang tidak berkaitan. Hanya pegawai yang diberi hak capaian kepada sistem mengikut peranan masing-masing sahaja yang boleh melihat dan mentadbir data LNPT.

PELAKSANAAN

7. Bagi memastikan submodul ini dapat dilaksanakan dengan lancar, setiap agensi hendaklah mengambil tindakan persediaan dengan menubuhkan kumpulan teras (*core team*) seperti mana yang ditetapkan di perenggan 19(h) dalam Pengenalan dan Mekanisme Pelaksanaan HRMIS (yang dikeluarkan bersama-sama PP Bil. 12/2005). Kumpulan ini perlu melibatkan pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan LNPT dan juga pegawai lain dari bahagian/sektor/unit yang dikenal pasti sebagai penyelarasa pelaksanaan submodul ini.

8. Pelaksanaan submodul LNPT di dalam aplikasi HRMIS akan dimulakan pada tahun 2009 di 10 buah agensi yang telah dikenal pasti sebagai agensi perintis seperti di **Lampiran A**.

9. Peluasan pelaksanaan submodul ini ke agensi kerajaan yang lain akan dibuat secara berperingkat mulai tahun 2010.

10. Perancangan dan pelaksanaan submodul ini di agensi-agensi akan dipantau dari semasa ke semasa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

11. Pelaksanaan submodul LNPT secara dalam talian melalui elektronik hendaklah dibuat mengikut **Panduan Pelaksanaan Modul Pengurusan Prestasi - Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** yang boleh di muat turun dari laman web JPA (www.jpa.gov.my). Panduan ini mengandungi langkah-langkah dan tatacara pengendalian LNPT melalui aplikasi HRMIS.

PERTANYAAN

12. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pengurusan Maklumat
Aras1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W. P. PUTRAJAYA
Telefon : 03-88853358 / 3583
Faks : 03-88892192 / 4810
E-mel : hrmis_helpdesk@jpa.gov.my


TARIKH KUAT KUASA

13. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

Tarikh: 22 Disember 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**TAHUN PERMULAAN PELAKSANAAN SUBMODUL
LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

Tahun 2009 (Agensi Perintis)

1. Jabatan Perdana Menteri
2. Kementerian Pelancongan Malaysia
3. Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
4. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
5. Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi
6. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
7. Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi
8. Kementerian Wilayah Persekutuan
9. Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang
10. Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan


Tahun 2010

1. Semua Kementerian / Jabatan yang lain
2. Semua Pentadbiran Kerajaan Negeri yang lain
3. Semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Rujukan: JPA(S)NP.134/1 JLD.22(4)
Tarikh: 15 Disember 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

PELAKSANAAN LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN PEGAWAI AWAM SECARA ATAS TALIAN

Saya dengan hormatnya merujuk perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) pegawai awam pada masa ini adalah melalui submodul LNPT dalam aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2008 mengenai "Pelaksanaan Modul Pengurusan Prestasi Submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan". Manakala bagi agensi yang masih belum boleh mengguna pakai submodul LNPT-HRMIS, ia dilaksana menggunakan borang LNPT bercetak.

3. Bagi memastikan semua pegawai awam dapat melaksanakan LNPT secara atas talian dan seterusnya meningkatkan keberkesanannya, Jabatan ini telah menyediakan beberapa alternatif kaedah pelaksanaan LNPT seperti berikut:


- i. Submodul LNPT-HRMIS melalui rangkaian EG*Net;
- ii. Submodul LNPT-HRMIS melalui Internet;
- iii. Sistem LNPT Online; dan
- iv. Muat turun borang LNPT.

Kaedah pengisian LNPT perenggan 3 di atas boleh dicapai menerusi <http://www.eghrmis.gov.my> atau <https://hrmis.eghrmis.gov.my> atau <https://internet.eghrmis.gov.my> atau <http://www.jpa.gov.my>.

4. Sehubungan itu, semua agensi hendaklah memastikan supaya penggunaan submodul LNPT-HRMIS (di perenggan 3(i) dan 3(ii) diberi keutamaan manakala alternatif di perenggan 3(iv) adalah pilihan terakhir.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k. :

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan / Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan